JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SOARING UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

LAPORAN SEMINAR PENTAKSIRAN & PENILAIAN KOLEJ KOMUNITI 2016

"Memperkasa Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti Berteraskan Pentaksiran dan Penilaian"

LAPORAN PROGRAM

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 6 Galeria PjH
Jalan P4W Persiaran Perdana Presint 4
62100 PUTRAJAYA

SEMINAR PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN KOLEJ KOMUNITI 2016
"Memperkasa Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti Berteraskan Pentaksiran dan Penilaian"

Tarikh
11 MEI 2016

Tempat
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
PERLIS

Anjuran Bersama
KOLEJ KOMUNITI ARAU

Penaung
YBHG. PPj. KEHORMAT(PA) DATO' AMIR BIN MD NOOR

Penasihat
TN. HJ. ROSLI BIN IDRIS

Ketua Editor
SUZANA BINTI ZAINOL ABIDIN

Editor
AIDA NORMARDIANA BINTI AYOB
SUHAILA BINTI MADROS
SITI NORMAZILA BINTI ABDUL AZIZ

Penulis
NUR ASMA BINTI DARUS
SHAFARIZAN BINTI ABDUL SAMAD
NURUL BALQISH BINTI ABDUL WAHAB

Grafik
NADIA BINTI HAIRI

laporan program

ISI KANDUNGAN

BUTIRAN PROGRAM ii

MATLAMAT PROGRAM iv

ATUR CARA 1 1

ATUR CARA 2 3

SESI PEMBENTANGAN 5

- PEMBENTANGAN 1
  Meninjau Tahap Kesediaan Pelajar Ke Atas Penggunaan *Easy Online Assessment* Sebagai Medium Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan (PB) Bagi Pelajar Program Sijil Pemasangan Elektrik Di Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBBM) 6
- PEMBENTANGAN 2
  Kajian Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Di Dalam Kurikulum Kolej Komuniti Malaysia 8
- PEMBENTANGAN 3
  Pembinaan Item Soalan Dengan Menggunakan Borang Jadual Spesifikasi Item (JSI) Dalam Kalangan Pensyarah Di Kolej Komuniti Wilayah Perak 10
- PEMBENTANGAN 4
  Kajian Jurang Kemahiran Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Dengan Menggunakan *Curriculum Development Based On Ability Structure* (CUDBAS) 12
- PEMBENTANGAN 5
  Penilaian Berasaskan Hasil (OBA): Kefahaman Dan Kesediaan Pensyarah Kolej Komuniti Di Kelantan Dalam Pelaksanaan Penilaian Pelajar 13
- PEMBENTANGAN 6
  Tahap Literasi Pentaksiran Pensyarah Kolej Komuniti Bandar Darulaman 14
- PEMBENTANGAN 7
  Kajian Tinjauan Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran Di Kolej Komuniti Kuala Langat 15
- PEMBENTANGAN 8
  Kajian Terhadap Perakuan Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Program Sijil Kolej Komuniti 16
- PEMBENTANGAN 9
  Kajian Penerimaan Pelajar Sijil Aplikasi Perisian Komputer Terhadap Rubrik Penilaian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran: Satu Kajian Kes 17

PROGRAM SISIPAN 18

GALERI SEMINAR 27

BUTIRAN PROGRAM

NAMA PROGRAM
Seminar Pentaksiran dan Penilaian Kolej Komuniti 2016

TEMA PROGRAM
Memperkasa Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti Berteraskan Pentaksiran dan Penilaian

TARIKH
11 Mei 2016

TEMPAT
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Perlis

UCAPTAMA
Tn. Hj. Rosli Bin Idris
Pengarah, Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

Tn. Hj. Wan Izni Rashiddi Bin Wan Mohd Razalli
Pengarah, Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

PEMBENTANG

Hasmaini Binti Hashim
Kolej Komuniti Bukit Beruang

Shaliza Amira Binti Sarif
Nuraishatul Akmar Binti Kamaruddin
Kolej Komuniti KK Selandar

Yufiza Binti Mohd Yusof
Kolej Komuniti Sungai Siput

PEMBENTANG

Hisamudin Bin Mohd Tamim
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

Nurul Halissa Binti Hassan
Kolej Komuniti Jeli

Turina Binti Tumeran
Azfariza Binti Azizi
Kolej Komuniti Bandar Darulaman

Marina Binti Mohamed Zahidi
Kolej Komuniti Kuala Langat

Siti Normazila Binti Abdul Aziz
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

Zunainah Binti Abu
Kolej Komuniti Hulu Langat

MODERATOR FORUM

En. Khairul Ashraf Bin Dato' Hj. Muhammad
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

MATLAMAT PROGRAM

Perkembangan dan perubahan pembangunan kurikulum telah mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang juga secara tidak langsung memberi impak kepada kaedah pentaksiran dan penilaian di kolej komuniti.

Bermula tahun 2012 lagi, Kolej Komuniti telah didedahkan dengan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)* sejajar dengan strategi Pendidikan Tinggi Kebangsaan yang mahukan pendekatan yang holistik dan memfokuskan kepada pengetahuan, kemahiran dan modal intelek.

Seminar ini dapat membangunkan budaya yang progresif dan juga mempunyai moral yang tinggi serta nilai-nilai etika untuk mencapai modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.

Hasrat ini diperkukuh dan diperkembangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam usaha menyediakan ekosistem pembelajaran komprehensif dan efektif (lonjakan pertama) dan juga memastikan kualiti tenaga pengajar dan kualiti penawaran program (lonjakan empat). Outcome seminar akan menjadi salah satu rujukan dalam proses menambah baik program yang ditawarkan.

Matlamat utama seminar ini adalah untuk menjadi platform peluasan ilmu melalui forum dan diskusi bagi pemantapan kerja Pegawai Peperiksaan Kolej Komuniti dan pembentangan perbandingan konsep lama dan baharu pelaksanaan pentaksiran, peluang-peluang inovasi dan perkongsian kaedah terbaik dalam memperkukuhkan lagi sistem pentaksiran dan penilaian di kolej komuniti.

11 Mei 2016

Dewan Kuliah Utama, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin **PERLIS**

162 orang Tetamu Jemputan

Pembentangan 9 Kertas Penyelidikan

108 orang Peserta

270 orang JUMLAH KEHADIRAN

ATUR CARA 1

ATUR CARA1

11 MEI 2016 (RABU)

DEWAN KULIAH UTAMA,
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

SEMINAR PENTAKSIRAN & PENILAIAN

8.00 pg	:	Ketibaan peserta seminar.
8.15 pg	:	Ucapan aluan Pengacara Majlis
	:	Bacaan Doa
8.30 pg	:	Ucaptama Pengarah Bahagian Peperiksaan dan Penilaian Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
8.45 pg	:	Ucaptama 2 : Taklimat Flexible Learning @ Community Colleges Pengarah Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
9.15 pg	:	Pembentangan Kertas Meninjau Tahap Kesediaan Pelajar Ke Atas Penggunaan Easy Online Assessment Sebagai Medium Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan (PB) Bagi Pelajar Program Sijil Pemasangan Elektrik Di Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBBM).
	:	Pembentangan Kertas Kajian Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Di Dalam Kurikulum Kolej Komuniti Malaysia.
	:	Pembentangan Kertas Pembinaan Item Soalan Dengan Menggunakan Borang Jadual Spesifikasi Item (JSI) Dalam Kalangan Pensyarah Di Kolej Komuniti Wilayah Perak
	:	Pembentangan Kertas Kajian Jurang Kemahiran di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Dengan Menggunakan Pendekatan Curriculum Development Based On Ability Structure (CUDBAS)
	:	Pembentangan Kertas Penilaian Berasaskan Hasil (OBA) : Kefahaman dan Kesediaan Pensyarah Kolej Komuniti Di Kelantan Dalam Pelaksanaan Penilaian Pelajar.
10.30 pg	:	Minum Pagi
	:	Pembentangan Kertas Tahap Literasi Pentaksiran Pensyarah Kolej Komuniti Bandar Darulaman.
	:	Pembentangan Kertas Kajian Tinjauan Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran di Kolej Komuniti Kuala Langat
	:	Pembentangan Kertas Kajian Terhadap Perakuan Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi Program Sijil Kolej Komuniti.
	:	Pembentangan Kertas Kajian Penerimaan Pelajar Sijil Aplikasi Perisian Komputer Terhadap Rubrik Penilaian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran : Satu Kajian Kes
12.00 tgh	:	Resolusi
12.45 tgh	:	Makan Tengah Hari dan Solat Zohor

ATUR CARA 2

ATUR CARA2

11 MEI 2016 (RABU)

DEWAN KULIAH UTAMA,
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SEMINAR

2.30 ptg	:	Ketibaan peserta/tetamu jemputan
3.00 ptg	:	Ketibaan Dif Jemputan
3.15 ptg	:	Ketibaan YBhg. PPj. Kehormat (PA) Dato' Amir bin Md Noor Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
3.30 ptg	:	Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
	:	Nyanyian Lagu Negaraku, Dirgahayu Tuanku dan Kolej Komuniti
	:	Ucapan aluan Pengacara Majlis
	:	Bacaan Doa
	:	Persembahan Video
	:	Ucapan Aluan YBhg. PPj. Kehormat (PA) Dato' Amir bin Md Noor Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
	:	Titah Perasmian Penutupan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis
	:	Pelancaran Sistem Pengurusan Penilaian Bersepadu Kolej Komuniti - iSEMS@CC
	:	Penyampaian Sijil kepada Pembentang
	:	Penyampaian Wakaf Buku
	:	Persembahan Cendera Kenangan kepada DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
	:	Pertunjukan Fesyen 'GPS To Jannah'
	:	Lagu Dirgahayu Tuanku
5.00 ptg	:	Lawatan Ke Pameran oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
	:	Santapan / Jamuan

SESI PEMBENTANGAN

SESI
PEMBENTANGAN

PEMBENTANGAN 1

TAJUK : **MENINJAU TAHAP KESEDIAAN PELAJAR KE ATAS PENGGUNAAN EASY ONLINE ASSESSMENT SEBAGAI MEDIUM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN (PB) BAGI PELAJAR PROGRAM SIJIL PEMASANGAN ELEKTRIK DI KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG (KKBBM)**

NAMA PEMBENTANG : Hasmaini Binti Hashim

INSTITUSI : Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka

INTIPATI KAJIAN :

- Sistem pengajian 14 minggu per semester dengan pengambilan 3 kali setahun sedikit sebanyak telah mengecilkan ruang dan masa pensyarah dalam mengimbangi tumpuan terhadap Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dan Pengurusan PdP serta tugas-tugas lain.
- Aplikasi multimedia berkeupayaan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah dan bermotivasi dalam pembelajaran.
- Penggunaan Easy Online Assessment dapat membantu pengurusan dan pelaksanaan PB bagi menggantikan kaedah tradisional yang lebih kepada penggunaan bahan bercetak.
- Easy Online Assessment dapat membantu pelaksanaan pentaksiran berterusan secara terancang dan sistematik, lebih cepat dan mudah.
- Easy Online Assessment adalah satu aplikasi rangkaian yang digunakan untuk menghubungkan pensyarah dan pelajar serta sesama pelajar.

Q&A :

- **Soalan1 (Meltina, KK Tambunan) :**
  Apakah framework bagi membentuk kajian ke atas Easy Online Assessment?

  Jawapan:
  Fokus kajian adalah terhadap aplikasi yang ingin digunakan, kaedah penggunaan aplikasi dan hasil yang ingin dicapai.

- **Soalan 2 (Nor Farazillawati Idris, KK Batu Gajah):**
  Bagi Modul Sijil Pemasangan Elektrik, adakah Easy Online Assessment dilaksanakan ke atas semua LA?

  Jawapan:
  Penilaian dilaksanakan ke atas LA tertentu dan bersesuaian sahaja.

PEMBENTANGAN 1 (samb..)

Q&A :

- **Soalan 3 (Nor Farazillawati Idris, KK Batu Gajah):**
  Adakah Easy Online Assessment digunakan bagi kesemua bentuk penilaian?

  Jawapan:
  Easy Online Assessment digunakan bagi penilaian dalam bentuk kuiz, tugasan dan ujian sahaja.

RUMUSAN :

- Pelajar mengetahui kepentingan ICT dalam pembelajaran.
- Pensyarah sentiasa memberi dorongan kepada pelajar untuk menggunakan Easy Online Assessment.
- Elemen yang terdapat dalam Easy Online Assessment sangat interaktif dan mudah digunakan.
- Pelajar KK Bukit Beruang mempunyai tahap kesediaan, motivasi dan penguasaan yang tinggi terhadap penggunaan Easy Online Assessment sebagai salah satu medium pelaksanaan PB.
- Easy Online Assessment dapat dijadikan satu medium bagi pelaksanaan pentaksiran berterusan serta sistem pengurusan yang boleh membantu pelaksanaan PdP.
- Dapat membantu menambah baik serta memastikan pengurusan PdP lebih terkawal serta menjimatkan masa dan kos dan melahirkan pelajar yang lebih bertanggungjawab serta prihatin terhadap tugasan serta berdikari dan berkeyakinan.
- Kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pensyarah bagi melahirkan modal insan yang celik IT serta melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti.

CADANGAN & KESIMPULAN : Penggunaan ICT perlu diperluaskan lagi di dalam proses pentaksiran dan penilaian. Pihak Pengurusan JPKK boleh menggalakkan pembangunan suatu sistem yang mudah digunakan oleh semua pensyarah bagi meringankan bebanan kerja pensyarah yang semakin mencabar pada masa kini.

PEMBENTANGAN 2

TAJUK : **KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU) DI DALAM KURIKULUM KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

NAMA PEMBENTANG : 1. Shaliza Amira Binti Sarif
2. Nuraishahtul Akmar Binti Kamaruddin

INSTITUSI : Kolej Komuniti Selandar, Melaka

INTIPATI KAJIAN :

- Mengetahui tahap pengetahuan terhadap proses pembinaan item ujian, tahap kemahiran pembinaan JSU dan tahap kefahaman pensyarah terhadap kepentingan penggunaan JSU.
- Tinjauan awal mendapati pensyarah tidak mengamalkan proses penilaian pentaksiran berterusan berpandukan JSU dan gemar membina item soalan berdasarkan pengalaman sendiri.
- Tiada penetapan standard yang boleh digunakan oleh semua pensyarah Kolej Komuniti Malaysia dalam penilaian ke atas proses PdP terutamanya bagi penyediaan soalan pentaksiran.
- Hasil dapatan kajian dapat digunakan untuk pembangunan kompetensi organisasi:-

  a. Pensyarah
  Pemantapan kaedah pengukuran dan penilaian dalam kelas supaya lebih sistematik.

  b. Kolej Komuniti
  Mengadakan kursus/ bengkel bagi pemantapan pengetahuan pensyarah-pensyarah.

  c. Bahagian Peperiksaan & Penilaian, JPKK
  Memastikan amalan pentaksiran dan penilaian di Kolej Komuniti memenuhi prinsip-prinsip serta aspek-aspek yang perlu dipatuhi serta menyediakan satu garis panduan penggunaan JSU secara menyeluruh.

- Responden seramai 160 orang pensyarah daripada 10 buah Kolej Komuniti

Q&A :

- **Soalan 1 (Yufiza Mohd Yusof, KK Sungai Siput):**
  Pada pendapat saya, JSU dibina oleh *Subject Matter Expert* (SME). Oleh itu, sekiranya semua pensyarah membina JSU, JSU tersebut tidak sama atau tidak standard bagi setiap kolej.

  Jawapan:
  Sebagai contoh, bagi Sijil Pengoperasian Perniagaan, proses pembinaan JSU diagihkan kepada pensyarah-pensyarah di setiap kolej yang menawarkan sijil tersebut dan kemudian dikongsi bersama bagi meningkatkan kualiti PdP seterusnya pencapaian pelajar.

PEMBENTANGAN 2 (samb..)

Q&A :

- **Soalan 2 (Fasehahnoor Yaacob, KK Kuala Langat):**
  Didapati sampel kajian tidak mengambil kira Bahagian Borneo. Oleh itu, tahap penggunaan JSU di sana tidak dapat diketahui. Tambahan pula terdapat banyak kolej komuniti baharu yang dibangunkan di sana dan kemungkinan pendedahan terhadap penggunaan JSU masih kurang. Cadangan supaya meluaskan sampel ke bahagian Borneo atau tajuk perlu ditukar disebabkan sampel kajian tidak menyeluruh ke seluruh Malaysia.

  Jawapan:
  Kaedah kajian adalah menggunakan persampelan secara rawak. Kekangan masa dan kos menyebabkan persampelan tidak dapat dilaksanakan ke bahagian Borneo. Tajuk kajian akan ditukar daripada di Malaysia kepada di Semenanjung Malaysia.

RUMUSAN :

- Tahap pengetahuan pensyarah terhadap pembinaan item pentaksiran adalah tinggi.
- Tahap kemahiran pensyarah dalam pembinaan JSU adalah sederhana.
- Kebanyakan pensyarah mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam proses pembinaan JSU tetapi masih perlu bimbingan yang berterusan terutama bagi yang tidak mempunyai kelayakan iktisas serta masih baru di Kolej Komuniti.
- Bengkel Pembangunan JSU perlu diadakan dengan lebih kerap supaya pensyarah lebih mahir.
- Garis panduan yang standard dapat diwujudkan agar item pentaksiran kurikulum dapat dibina sepertimana dikehendaki oleh kurikulum dan MQA dan digunapakai di setiap kolej.

CADANGAN & KESIMPULAN : Kaedah pentaksiran dan penilaian yang sedia ada perlu ditambah baik dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan pendidikan yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan perkembangan teknologi.

PEMBENTANGAN 3

TAJUK : **PEMBINAAN ITEM SOALAN DENGAN MENGGUNAKAN BORANG JADUAL SPESIFIKASI ITEM (JSI) DALAM KALANGAN PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI WILAYAH PERAK**

NAMA PEMBENTANG : Yufiza Binti Mohd Yusof

INSTITUSI : Kolej Komuniti Sungai Siput, Perak

INTIPATI KAJIAN :

- Sistem Pendidikan Malaysia perlu ditansformasikan secara menyeluruh.
- Sistem pendidikan mewajibkan pelaksanaan pentaksiran ke atas pelajar-pelajar selepas satu sesi proses PdP bagi menilai kefahaman dan pengalaman pelajar terhadap proses PdP.
- Satu jerayawara (roadtour) telah diadakan oleh pihak JPKK untuk memperkenalkan JSU dan JSI kepada para pensyarah serta mendedahkan para pensyarah terhadap pembinaan item soalan dengan penggunaan JSI.
- Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan tahap penerimaan pensyarah kolej komuniti Wilayah Perak terhadap penggunaan borang JSI untuk membina item soalan.

  Hasil dapatan kajian dapat memberi kepentingan kepada:-

  a. Tenaga Pengajar
     Menilai prestasi pencapaian pelajar hasil daripada proses PdP.

  b. Pengurusan Kolej Komuniti
     Melahirkan modal insan yang cemerlang dan menaikkan imej kolej komuniti.

  c. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)
     Penambahbaikan dalam proses pembinaan item soalan. JPKK dapat merancang dengan lebih strategik bagi meningkatkan mutu soalan peperiksaan setanding dengan kehendak pendidikan global.

- Pihak pengurusan JPKK di bawah Bahagian Peperiksaan dan Penilaian telah menetapkan pencapaian pelajar adalah selaras dengan tujuan MQA.
- Sampel kajian seramai 145 orang responden dalam kalangan pensyarah daripada 3 buah kolej komuniti di Wilayah Perak.

Q&A : **Tiada**

PEMBENTANGAN 3 (samb..)

RUMUSAN :

- Pensyarah mempunyai tahap pemahaman borang JSI yang sederhana tinggi.
- Pensyarah-pensyarah memahami untuk menghasilkan item soalan yang sesuai dari modul yang diajar.
- Pensyarah mengetahui topik yang perlu diuji semasa PB dan topik yang perlu diuji semasa PA.
- Tahap penerimaan pensyarah terhadap penyediaan item soalan menggunakan borang JSI adalah sederhana.
- Didapati pensyarah memahami penggunaan borang JSI namun penerimaan untuk membina item soalan menggunakan borang JSI adalah pada tahap sederhana.
- Walaupun jerayawara yang dilaksanakan telah mencapai sasaran namun penerimaan pensyarah dalam penggunaan JSI untuk membina item soalan adalah pada tahap sederhana. Ini disebabkan oleh sikap serta disiplin individu yang kurang menerima untuk mempraktikkan penggunaan JSI.

CADANGAN & KESIMPULAN : Kualiti penyampaian maklumat berkenaan kaedah pentaksiran dan penilaian perlu ditingkatkan dan ditambah baik serta penekanan tentang kepentingan penggunaan sesuatu kaedah pentaksiran dan penilaian perlu diberikan terutamanya kepada pensyarah-pensyarah baharu.

PEMBENTANGAN 4

TAJUK : **KAJIAN JURANG KEMAHIRAN DALAM KALANGAN PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI DENGAN MENGGUNAKAN CURRICULUM DEVELOPMENT BASED ON ABILITY STRUCTURE (CUDBAS)**

NAMA PEMBENTANG : Hisamudin Bin Mohd Tamim

INSTITUSI : Bahagian Dasar, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

INTIPATI KAJIAN :

- CUDBAS ialah satu analisa yang sistematik dengan menggunakan 3 peringkat. Pendekatan CUDBAS dapat membantu pengurusan Kolej Komuniti mengenalpasti tahap kelayakan pensyarah baharu untuk mengajar atau menyampaikan kurikulum program pengajian atau sijil tersebut.
- Hasil analisi boleh menentukan jenis kemahiran yang diperlukan oleh pensyarah.
- CUDBAS juga dapat menentukan jenis latihan yang diperlukan oleh pensyarah sama ada di peringkat kolej komuniti, di industri atau latihan dalaman dengan bantuan pensyarah yang lebih senior dan kompeten.
- Mengetahui kaedah penyelesaian untuk menutup jurang tersebut akan ditentukan berdasarkan hasil analisis dengan menggunakan pendekatan CUDBAS sekaligus tiada perbezaan kualiti pelajar.
- Di samping itu, dapatan keputusan data yang diperoleh boleh mengoptimumkan keperluan latihan *reskilling* dan *upskilling*, dan menghantar pensyarah yang berkeperluan.
- Sekaligus, menjimatkan peruntukan kewangan bagi melaksanakan jenis latihan yang diperlukan sama ada latihan jenis *off job training* (kerja luar) atau *on job training* (dalaman).

Q&A : **Tiada**

RUMUSAN :

- Bersesuaian dengan *tagline Right person, Right training and Right time*.
- CUDBAS boleh menambah baik TVET untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

PEMBENTANGAN 5

TAJUK : **PENILAIAN BERASASKAN HASIL (OBA): KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI DI KELANTAN DALAM PELAKSANAAN PENILAIAN PELAJAR**

NAMA PEMBENTANG : Nurul Halissa binti Hassan

INSTITUSI : Kolej Komuniti Jeli, Kelantan

INTIPATI KAJIAN :

- Tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan OBA adalah lebih tinggi berbanding tahap kesediaan.
- Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden telah memahami pendekatan pelaksanaan OBA tetapi kurang yakin untuk menggunakan konsep ini dalam proses penilaian pelajar.

Q&A :

- **Soalan 1 (Mohd Azli Bin Adnan, KK Sabak Bernam):**
  Pensyarah faham tentang OBA, tetapi masih belum bersedia untuk melaksanakan OBA. Bagaimana ingin selesaikan masalah tersebut?

  Jawapan:
  Kajian baharu boleh dijalankan untuk mengetahui sebab masalah tersebut berlaku. Kemungkinan adalah kerana latihan pensyarah tidak mencukupi, program susulan tidak dibuat., pegawai yang telah mengikuti latihan tidak berkongsi dengan pensyarah yang lain.

RUMUSAN : Cadangan:

- Pihak pentadbiran akademik kolej komuniti di Kelantan perlu terus memberi pendedahan dan galakan penuh kepada pensyarah untuk melaksanakan pendekatan OBA dalam penilaian pelajar.
- Latihan berkenaan teknik-teknik penilaian berkonsepkan OBA perlu diberikan terutama kepada pensyarah baharu yang tiada pengetahuan berkenaan kaedah ini.
- Aspek infrastruktur perlu ditambah baik bagi merancakkan pelaksanaan OBA.
- Kajian terhadap kefahaman dan kesediaan pelajar berkenaan pelaksanaan OBA boleh dilaksanakan memandangkan pelajar turut menjadi agen penting dalam pelaksanaan pendekatan ini.

PEMBENTANGAN 6

TAJUK : **TAHAP LITERASI PENTAKSIRAN PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI BANDAR DARULAMAN**

NAMA PEMBENTANG : 1. Azfariza binti Azizi
2. Turina binti Tumeran

INSTITUSI : Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Kedah

INTIPATI KAJIAN :

- Kajian ini telah dapat mengukur tahap literasi pentaksiran pensyarah di Kolej Komuniti Bandar Darulaman iaitu berada pada skor yang tinggi dari segi pengetahuan CLO dan kemahiran membina item.
- Hasil kajian turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran membina item berdasarkan pengalaman mengajar.
- Bagi tahap kemahiran membina item berdasarkan faktor program pula, juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan.
- Kajian mendapati terdapat hubungan yang kuat di antara pengetahuan hasil pembelajaran kursus (CLO) dengan kemahiran membina item.

Q&A :

- **Soalan 1 (Saiful Azley Samsudin, KK Arau):**
  Apakah julat interpretasi min yang digunakan?

  Jawapan:
  Jadual 1: Skor Min dan Interprestasinya (Tahap). Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006).

RUMUSAN : Dapatan kajian ini mencadangkan agar pembangunan profesionalisme pentaksiran diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa seperti kursus pembinaan item dan rubrik.

PEMBENTANGAN 7

TAJUK : **KAJIAN TINJAUAN AMALAN PENTAKSIRAN UNTUK PEMBELAJARAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT**

NAMA PEMBENTANG : Marina binti Mohamed Zahidi

INSTITUSI : Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor

INTIPATI KAJIAN :

- Isu kajian adalah berdasarkan kepada senario yang berpunca daripada penilaian pensyarah yang kurang daripada 75%. Kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran di KK adalah berpusatkan pensyarah dan untuk menyelidiki kualiti proses pengajaran

- Pentaksiran pembelajaran dijalankan berasaskan ciri :-
  1. Berkongsi objektif pembelajaran antara pensyarah dan pelajar,
  2. Penyoalan terhadap kumpulan atau individu secara lisan yang berkesan,
  3. Maklum balas berkesan; dan
  4. Penggalakkan pentaksiran kendiri dan rakan sebaya

Q&A : **Tiada**

RUMUSAN :

- Dua ciri pentaksiran pembelajaran yang paling kerap digunakan dalam kalangan pensyarah adalah:-

  1. Berkongsi objektif pembelajaran antara pensyarah dan pelajar, dan
  2. Penyoalan secara lisan yang berkesan.

- Cadangan peluasan kajian melibatkan populasi yang lebih besar dan faktor-faktor lain bagi ciri dan elemen pentaksiaran merangkumi pengalaman pengajaran pensyarah, perbezaan jantina serta latihan ikhtisas yang diperoleh sepanjang tempoh pengalaman pengajaran.

PEMBENTANGAN 8

TAJUK : **KAJIAN TERHADAP PERAKUAN AKREDITASI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA) BAGI PROGRAM SIJIL KOLEJ KOMUNITI**

NAMA PEMBENTANG : Siti Normazila binti Abdul Aziz

INSTITUSI : Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

INTIPATI KAJIAN : Isu kajian adalah disebabkan oleh:

- Masih terdapat staf kolej komuniti kurang memahami tujuan permohonan Perakuan Akreditasi terutama dari segi proses pelaksanaan di kolej komuniti.
- Masih terdapat syarat pematuhan yang dikemukakan oleh MQA apabila program yang memohon mendapat Perakuan Akreditasi. Ini menunjukkan bahawa kesedaran warga kolej komuniti terhadap kepentingan perakuan akreditasi masih belum menyeluruh.
- Dapatan kajian menemukan bahawa perspektif pensyarah berada pada tahap yang tinggi. Manfaat akreditasi dilihat dalam jangka masa panjang. Proses perakuan akreditasi ini telah membawa kolej komuniti ke arah penambahbaikan mutu perkhidmatan yang boleh diberikan untuk meningkatkan imej kolej komuniti sama ada dari segi kualiti pengurusan dan kualiti akademik yang dijalankan.

Q&A :

- **Soalan 1 (Saiful Azley Samsudin ,KK Arau):**
  Adakah proses *outliers* data dilakukan terlebih dahulu sebelum pengiraan jumlah min?

  Jawapan:
  Daripada jumlah keseluruhan responden yang diperolehi telah dibuat pemurnian melibatkan data yang tidak lengkap (dibuang dan disisihkan) sebelum pengiraan jumlah min dilakukan.

RUMUSAN : Proses bagi mendapatkan akreditasi membolehkan pentadbir di KK memahami fungsi dan keperluan kepada persijilan yang telah ditawarkan. Secara tidak langsung, ini meningkatkan motivasi kepada pensyarah dan pentadbir (amnya), serta kepada pelajar (khususnya) terhadap persijilan yang telah diikuti.

PEMBENTANGAN 9

TAJUK : **KAJIAN PENERIMAAN PELAJAR SIJIL APLIKASI PERISIAN KOMPUTER TERHADAP RUBRIK PENILAIAN DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: SATU KAJIAN KES**

NAMA PEMBENTANG : Zunairah binti Abu

INSTITUSI : Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor

INTIPATI KAJIAN :

- Isu kajian adalah :

1. Berkisarkan kepada amalan penggunaan rubrik yang tidak menyeluruh, ketidakjelasan pelajar terhadap aspek penilaian seperti kuiz, tugasan dan amali. Sebagai medium bagi penonjolan corak penyelesaian terhadap aspek penilaian yang bukan melibatkan satu jalan sahaja.
2. Rubrik penilaian sebagai alat penilaian pensyarah serta sebagai medium peningkatan motivasi terhadap pelajar.
3. Penerimaan pelajar terdapat alat penilaian ini sangat tinggi sebagai penilaian hasil pembelajaran.
4. Terdapat hubungan di antara motivasi dan penggunaan rubrik ini juga dalam kalangan pelajar.

Q&A :

- **Soalan 1 (Haliza Aziz, KK Kulim):**
  Rubrik apakah yang paling sesuai untuk dilaksanakan berdasarkan penilaian yang hendak diberi kepada pelajar?

  Jawapan:
  Rubrik lebih sesuai untuk penggunaan pentaksiran berbentuk amali.

- **Soalan 2 (Faezah Dol, KK Kulim):**
  Cadangan penambahbaikan rubrik bagi elemen yang melibatkan kreativiti

  Jawapan:
  Ia bergantung kepada asas yang telah disebutkan iaitu asas, terpuji dan mithali. Pensyarah mesti lebih peka terhadap setiap item rubrik yang telah didrafkan mengikut pencapaian pelajar berasaskan kepada asas, terpuji dan mithali.

RUMUSAN :

- Keseragaman rubrik penilaian adalah perlu bagi membolehkan pelajar dinilai secara adil dan saksama.
- Peningkatan kepada kualiti pengajaran boleh dilakukan oleh pensyarah.

PROGRAM SISIPAN

PROGRAM
SISIPAN

Gerbang Pengantin Sejoli (GPS) to *Jannah*

Sesi penilaian projek pelajar bagi penghasilan busana pengantin untuk program "Gerbang Pengantin Sejoli (GPS) to Jannah".

Kolej komuniti telah diberi peranan untuk menyediakan busana dan tatarias untuk 16 pasangan pengantin yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan (Asnaf) sempena Program Gerbang Pengantin Sejoli (GPS) to Jannah yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). 16 kumpulan pelajar program Sijil Fesyen dan Pakaian daripada 16 buah kolej komuniti telah terlibat menyediakan rekaan dan menjahit busana pengantin tersebut.

16
KUMPULAN

Pelajar Kolej Komuniti Program Fesyen dan Pakaian

PANEL PENILAI

(i) En. Mohd Hartimi bin Mohamad Foad - Cinderalla Wedding Creation
(ii) En. En. Ahmad Zamri bin Abdul Wahid - Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
(iii) Pn. Puan Norhaslina Binti Hashim - Butik Anggun Saujana

Pameran Program Diploma Work-Based Learning (WBL)

Kolej Komuniti Segamat 2
- program *Diploma Teknologi Solar Fotovoltan Technology*

Kolej Komuniti Ampang
- program *Diploma in Telecommunication* Technology

Pameran Program Public-Private Partnership

PESERTA

Kolej Komuniti Sungai Petani (Approved Centre bagi penawaran City & Guilds International Examination)

Kolej Komuniti Sungai Petani menawarkan program Diploma Terapi Kecantikan setaraf dengan Level 3 Diploma Beauty Theraphy City & Guilds.

PESERTA

Langkawi Tourism Academy (LTA)@ Kolej Komuniti Langkawi

LTA menawarkan 3 program joint certificate bersama Taylors's University iaitu *Certificate in Room Division, Certificate in Culinary Arts* dan *Certificate in Food Beverages.*

Pameran Program Public-Private Partnership

PESERTA

Kolej Komuniti Temerloh

Kolej Komuniti Sabak Bernam

Objektif Program CSR Projek Rumah Komuniti adalah untuk membantu penduduk yang kurang berkemampuan di Negeri Terengganu dan Parlimen Besut khasnya memiliki rumah sendiri dengan harga yang rendah di bawah RM20,000.00.

Program kesukarelawanan pembinaan rumah komuniti ini melibatkan sumbangan tenaga dan kepakaran pensyarah serta pelajar daripada 11 buah kolej komuniti berdasarkan kemahiran mereka dalam bidang pembinaan, mekanikal dan elektrikal, pelan dan reka bentuk, kerja paip, sanitasi dan kerja kayu, papan tanda dan logistik, reka bentuk dalaman, landskap, jahitan langsir dan fabrik.

Pelancaran Sistem Pengurusan Penilaian Bersepadu Kolej Komuniti (iSEMS@CC)

Penyampaian Wakaf Buku

Wakaf buku sumbangan warga Kolej Komuniti Arau dan JPKK kepada Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSP).

Team With Passion : Motivasi Meningkatkan Prestasi

Tarikh : 10 Mei 2016

Tempat : Kolej Komuniti Arau

Penceramah : Dr. Zaidi bin Hj. Fadzil

GALERI SEMINAR

GALERI SEMINAR

DI SEBALIK TABIR

seminar
PENTAKSIRAN & PENILAIAN
KOLEJ KOMUNITI 2016

SEKITAR SEMINAR

ODIN PUTRA
JAMALULLAIL
an 1437 (Rabu)

Seminar
PENTAKSIRAN & PENILAIAN
KOLEJ KOMUNITI 2016
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-73 DYMM TUANKU RAJA
disempurnakan oleh:
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTERA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN
11 Mei 2016 bersa
Cadangan

Daulat Tuanku
DEWAN KULIAH UTAMA

Daulat Tuanku
SELAMAT DATANG KE
POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
POLITEKNIK

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 6 Galeria PjH
Jalan P4W Persiaran Perdana Presint 4
62100 PUTRAJAYA

www.jpkk.edu.my